

## **BAB 2**

# **DASAR PENDIDIKAN SEMASA DAN SELEPAS PEMERINTAHAN BRITISH DI TANAH MELAYU**

### **Pengenalan**

Dalam bab ini akan dibincangkan perkembangan pendidikan sekular di Tanah Melayu, dasar-dasar pendidikan selepas Perang Dunia Kedua dan dasar serta penyata yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia selepas merdeka. Kesemua fakta ini adalah diperolehi dari Kertas Projek Akademi Pengajian Melayu yang bertajuk Pendidikan di Kampung Syed, Pulau Pinang yang ditulis oleh pengarangnya Koay Chee Leong pada tahun 2000.

### **2.1 Perkembangan Pendidikan Sekular Di Tanah Melayu**

Sehingga tahun 1956 tidak ada sistem pendidikan kebangsaan yang diwujudkan untuk Tanah Melayu. Kedatangan penjajah British yang membawa bersama-sama buruh asing dari China dan India ke Tanah Melayu telah mewujudkan bentuk sekolah sekular. Empat jenis sekolah yang berlainan bahasa pengantarnya telah diwujudkan di Tanah Melayu, iaitu sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Inggeris. Tujuan

pihak kolonial berbuat demikian adalah untuk mengelakkan penyatuan berlaku di kalangan penduduk tempatan.

i) Sekolah Melayu

Pemerintah kolonial telah menubuhkan sekolah-sekolah yang khas, demi menggalakkan penduduk tempatan yang berbangsa Melayu mendapatkan pendidikan aliran Melayu. Pemerintah kolonial tidak menggalakkan penduduk Melayu itu berpendidikan Inggeris.

Tujuan pemerintah kolonial menubuhkan sekolah Melayu ini adalah setakat memberi pengetahuan kepada orang Melayu dalam bahasa Melayu bagi memastikan status orang Melayu itu dapat dikekalkan dan tidak berubah. Hal ini jelas kelihatan dalam petikan berikut:

“ untuk memperbaiki keadaan sebahagian rakyat, dan untuk menjadikan anak-anak nelayan dan petani lebih cerdik daripada ibu bapa mereka.”  
(Roff, W.R , 1975 :62)

Daripada petikan di atas jelaslah pembinaan sekolah Melayu ini adalah setakat untuk memastikan orang Melayu kekal dalam keadaan yang asal bagi mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka sebagai petani dan nelayan. Pendidikan yang diperolehi daripada sekolah Melayu itu

tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Oleh itu murid-murid lepasan sekolah Melayu tidak berpeluang untuk berkhidmat dengan pihak pemerintah British di Tanah Melayu kerana pengetahuan Inggeris menjadi pra-syarat untuk berkhidmat dengan kerajaan British di Tanah Melayu ketika itu.

Walau bagaimanapun, tanpa campur tangan British dalam bidang pendidikan kemungkinan tidak akan wujud pendidikan sekular secara formal bagi anak-anak Melayu ketika itu.

Pada tahun 1885 sekolah Melayu yang pertama telah ditubuhkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Kemudiannya pada tahun 1886 dua buah sekolah Melayu telah ditubuhkan, iaitu di Teluk Belanga dan Kampung Gelam. Lebih banyak sekolah Melayu telah ditubuhkan selepas tahun tersebut.

Pada peringkat awal sekolah Melayu ini menggunakan tulisan Jawi dalam menyampaikan pendidikan. Namun, keadaan itu telah berubah apabila pihak British menggalakkan penggunaan tulisan Rumi untuk menyampaikan pendidikan. Hal ini adalah bertujuan untuk memperluaskan penggunaan bahasa Melayu.

Sistem 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira, telah diperkenalkan oleh pihak British untuk dipraktikkan di sekolah-sekolah Melayu. Pendidikan yang sedemikian Cuma membolehkan anak-anak Melayu membaca, menulis dan mengira pada peringkat mudah.

Mata pelajaran yang sekular diajar di sekolah Melayu adalah seperti bahasa Melayu, ilmu alam, ilmu kira-kira dan ilmu tawarikh.

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak British dalam usaha memperluaskan sistem pendidikan di Tanah Melayu. A.M Skinner berusaha mencampurkan pendidikan sekular ini dalam sekolah agama. Program ini telah dijalankan pada tahun 1871.

Sejak itu tenaga pengajar pendidikan sekular itu disediakan oleh kerajaan dan gaji mereka turut dibayar oleh kerajaan. Pendidikan agama dijalankan pada waktu petang dan gaji guru dibayar melalui yuran yang dibayar oleh ibu bapa murid-murid yang menerima pendidikan agama itu. Keadaan ini telah menukarkan sekolah agama ini menjadi sekolah umum. Sekolah agama ini kemudiannya menjadi sekolah Melayu.

Namun, sekolah-sekolah Melayu yang ditawarkan secara percuma oleh pihak kolonial itu tidak mendapat sambutan yang baik daripada orang Melayu tempatan. Ini kerana ibu bapa Melayu masih menaruh syak terhadap sekolah-sekolah yang diuruskan oleh orang asing dan tidak mengajar Quran. Tambahan, didapati pada masa itu orang Melayu memandang rendah terhadap pengajian bahasa Melayu kerana bahasa Melayu dikatakan Cuma berguna di dunia sementara bahasa Arab dikatakan berguna untuk akhirat.

Keadaan yang demikian menyebabkan pihak kolonial meluluskan enakmen-enakmen baru pada tahun 1900 dan 1932. Enakmen-enakmen baru itu mewajibkan kanak-kanak lelaki

Melayu di antara umur 7 dan 14 tahun supaya hadir ke sekolah untuk sekurang-kurangnya setengah tahun jika mereka tinggal dalam lingkungan dua batu dari sekolah. Ibu bapa yang tidak mematuhi peraturan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM 5.00 atau dihukum penjara tidak melebihi dua minggu. Enakmen-enakmen ini banyak membantu dalam memperkembangkan pendidikan vernakular Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat.

Di samping kesukaran mendorong kanak-kanak lelaki Melayu untuk menghadiri sekolah, didapati lebih sukar lagi untuk mendorong anak perempuan Melayu untuk bersekolah. Hal ini disebabkan kedudukan anak perempuan dianggap rendah dalam masyarakat Melayu. Tambahan, ibu bapa enggan melepaskan anak perempuan mereka untuk bersekolah. Ini disebabkan ibu bapa memerlukan pertolongan mereka di rumah.

Oleh itu sehingga tahun 1900 hanya terdapat seramai 234 orang kanak-kanak perempuan Melayu yang bersekolah, itupun hanya di Perak dan Selangor. Di negeri-negeri lain belum ada sekolah untuk kanak-kanak perempuan. Di Negeri-Negeri Selat orang-orang persendirian, seperti Tuan dan Puan Wright, telah mendirikan sebuah sekolah berasrama yang menawarkan pendidikan percuma bagi kanak-kanak perempuan Melayu. Usaha menggalakkan pendidikan bagi kanak-kanak perempuan diwujudkan ekoran kekurangan guru dan murid-murid perempuan.

Didapati bilangan murid Melayu yang memasuki sekolah-sekolah Melayu itu telah bertambah dengan pesatnya kemudian, terutamanya pada tahun 1945 sehingga tahun 1950. Keadaan ini telah menyebabkan keperluan yang bertambah terhadap tenaga pengajar. Akibat daripada itu maka Maktab Perguruan diwujudkan bagi melahirkan tenaga pengajar tersebut yang semakin penting. Misalnya, Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan di Tanjung Malim bagi tujuan melatih guru-guru Melayu.

Pada tahun 1924 sebuah Biro Terjemahan ditubuhkan di maktab tersebut. Tujuannya adalah untuk menterjemahkan buku-buku Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Ini dilakukan kerana buku-buku asal yang ditulis dalam bahasa Melayu amat sedikit.

Walaupun penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris itu merupakan satu peristiwa yang bersejarah dalam pendidikan Melayu, namun bidang pendidikannya masih terlalu sempit. Ini kerana dasar pentadbir British itu semata-mata hanya untuk membolehkan orang Melayu tahu menulis dan membaca.

## ii) Sekolah Cina

Orang-orang Cina sentiasa memelihara penghormatan yang besar terhadap pendidikan. Sebelum negara China menerima Mandarin sebagai bahasa kebangsaan atau Kuo Yue pada tahun 1920, kanak-kanak Cina diajar huruf-huruf Cina yang berdasarkan loghat masing-masing, seperti Hokkien, Teochew, Kantonis, dan Hakka. Namun, sejak

wujudnya bahasa kebangsaan itu segala pendidikan mereka diajar dalam bahasa kebangsaan itu.

Sistem pendidikan vernakular Cina wujud akibat kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat. Sekolah-sekolah ini bermula di Negeri-Negeri Selat dan kemudiannya merebak ke negeri-negeri Melayu yang lain.

Mubaligh-mubaligh Kristian, pertubuhan-pertubuhan suku kaum dan orang perseorangan merupakan penganjur utama pendidikan Cina di Tanah Melayu. Sekolah Cina yang paling awal ditubuhkan di Melaka oleh satu kumpulan mubaligh London pada tahun 1815. Sekolah tersebut dikenali sebagai Kolej Inggeris-Cina (Anglo-Chinese College).

Selepas itu bahasa Cina turut diajar di *sekolah-sekolah Free*. Namun, usaha pihak penjajah untuk memajukan sekolah Cina itu tidak berjaya. Akhirnya, masyarakat Cina sendiri yang mengambil inisiatif sendiri untuk mendirikan dan mentadbir sekolah vernakular Cina tersebut. Antara tokoh-tokoh pendidikan Cina yang masyhur di Negeri-Negeri Selat ialah Gan Eng Seng, Cheong Soo Leong dan Phua Choon Hiong. Di negeri-negeri Melayu pula terdapat tokoh seperti Yap Ah Loy. Sekolah Cina yang pertama di Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1884 di High Street.

Usaha-usaha lain yang dijalankan di negeri-negeri lain ialah penubuhan Sekolah Chung Hwa (Pulau Pinang), Sekolah Pay Fong (Melaka) dan Sekolah Yuk Choy (Ipoh).

Sekolah-sekolah Cina yang ditubuhkan oleh orang Cina sendiri adalah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka supaya dapat memajukan diri. Sekolah ini menyalurkan idea dan ilmu pengetahuan dari negara China supaya dapat menanam perasaan cinta pada negara China.

Pada peringkat awalnya sekolah Cina ini lebih tertumpu pada ajaran karya klasik seperti Hong Lo Mong dan Si Wu Chi, dan teknik pembelajaran mereka adalah secara hafalan. Akan tetapi, pada tahun 1923 kurikulum sekolah Cina ini beransur-ansur menjadi moden. Sejak itu sekolah ini mula mengajar mata pelajaran geografi, matematik, kraftangan dan sebagainya. Keadaan ini membolehkan pelajar sekolah Cina bersaing dengan pelajar sekolah Inggeris.

Didapati sebahagian besar sekolah-sekolah Cina ditubuhkan selepas Revolusi China pada tahun 1911 apabila perubahan sosial dan pembaharuan pendidikan juga berlaku. Sekolah-sekolah Cina itu biasanya menyediakan pendidikan rendah selama enam tahun dan sesetengah sekolah ini mempunyai kelas-kelas sehingga Menengah Atas Tiga dan Sekolah Tinggi. Perkembangan pesat sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu tidak dihiraukan oleh kerajaan British di Tanah Melayu.

Akibat daripada itu maka sekolah-sekolah tersebut terlalu berkiblat ke negara China. Didapati guru-guru dan buku-buku dibawa dari negara China. Malahan, sekolah itu menerima bantuan daripada guru-guru pelawat dari negara China. Pihak British hanya



bertindak balas terhadap aktiviti sekolah Cina apabila sekolah itu dipergunakan sebagai pusat-pusat dakwah anti-British oleh Parti Koumintang dan Parti Komunis Cina.

Pada tahun 1920 kerajaan British telah meluluskan satu ordinan meminta semua sekolah persendirian, guru-guru dan pengurus mereka mendaftarkan diri dengan pihak British. Pada tahun 1923 bantuan-bantuan kerajaan akan diberi kepada sekolah-sekolah persendirian dengan syarat sekolah itu boleh diperiksa oleh kerajaan. Minat kerajaan British terhadap sekolah Cina ini jelas kelihatan apabila seorang pegawai kerajaan yang mahir berbahasa Cina dilantik sebagai Penolong Pengarah Pendidikan dan seorang nazir dilantik bagi sekolah Cina.

### iii) Sekolah Tamil

Sekolah Tamil yang pertama telah ditubuhkan di Seberang Prai. Ia bertujuan menyediakan pendidikan yang mudah kepada anak-anak penanam tebu di Seberang Prai. Sekolah Tamil yang lain dimulakan di Negeri-negeri Selat dan negeri-negeri Melayu untuk memberi kemudahan kepada anak-anak masyarakat pedagang dan peniaga India yang sedang bertambah di kawasan tersebut.

Mubaligh-mubaligh Kristian turut memainkan peranan yang penting dalam usaha memulakan sekolah-sekolah Tamil yang awal ini. Namun, terdapat banyak sekolah Tamil yang terpaksa ditutup ekoran kedatangan orang India yang amat sedikit di Tanah Melayu.

Akan tetapi, dengan berlakunya kemajuan yang pesat pada ladang-ladang getah dan sistem perhubungan moden, berlaku kekurangan tenaga buruh yang semakin tenat. Disebabkan oleh perasaan tanggungjawab serta mahukan buruh-buruh imigran India itu tinggal lebih lama di Tanah Melayu, maka pihak British telah memperkenalkan Kanun Buruh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1923. Kanun-kanun ini mengkehendaki ladang-ladang mengadakan sekolah-sekolah dengan belanja mereka sendiri bagi kanak-kanak pekerja mereka.

Kerajaan mempunyai hak membuat pemeriksaan ke atas sekolah tersebut. Kerajaan juga akan memberi bantuan kewangan kepada sekolah itu. Sekolah-sekolah ini kemudiannya dikenali sebagai sekolah-sekolah ladang. Pada tahun 1930 seorang nazir bagi sekolah-sekolah Tamil telah dilantik. Sekolah Tamil ini hanya menyediakan pendidikan di peringkat rendah sahaja.

#### iv) Sekolah Inggeris

Penubuhan sekolah ini adalah bertujuan untuk menyediakan pendidikan bagi semua kaum di Tanah Melayu. Kewujudan sekolah-sekolah tersebut adalah hasil usaha mubaligh-mubaligh Kristian dan badan-badan awam. Akan tetapi tujuan sebenar pihak British menubuhkan sekolah Inggeris ini adalah untuk memenuhi keperluan mereka di Tanah Melayu. Ini kerana pada masa itu pihak British memerlukan perkhidmatan penduduk

tempatan. Lantaran itu, maka tiga bentuk utama sekolah Inggeris, iaitu Sekolah Free (Free School), sekolah mubaligh dan sekolah Inggeris kerajaan, telah diwujudkan.

a) Sekolah Free

Sekolah-sekolah ini digelar sebagai Free kerana pendidikan diberi secara percuma untuk semua pelajar. Sekolah ini juga menerima pelajar daripada pelbagai bangsa. Jenis sekolah ini ditubuhkan di bawah satu jawatankuasa yang dianggotai oleh badan mubaligh dan orang kenamaan serta mendapat sokongan kerajaan.

Sekolah Free yang pertama di Tanah Melayu ialah Sekolah Penang Free di Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 1816 oleh Rev. R.S. Hutchings, Chaplain Pulau Pinang. Tujuan utama sekolah ini adalah untuk melahirkan satu golongan pegawai yang cerdas, jujur dan tekun. Pada asalnya sekolah ini adalah untuk murid-murid lelaki dan sebahagiannya untuk murid-murid perempuan. Kelas-kelas bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Tamil diadakan bagi mereka yang tidak berminat mempelajari bahasa Inggeris. Namun kelas-kelas bahasa itu dibatalkan selepas beberapa tahun. Sekolah ini turut mengajar kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Usaha-usaha untuk mewujudkan kelas untuk mengajar kemahiran pertukangan kayu, membuat kasut, membuat pakaian dan menjilid buku, cuba dilaksanakan. Namun, usaha tersebut tidak berjaya. Pada masa yang sama ajaran agama juga tidak dimasukkan

dalam kurikulum pendidikan. Beberapa tahun kemudiannya bahagian sekolah untuk murid perempuan ditutup. Kemudiannya Gereja Anglikan telah menubuhkan Sekolah Perempuan St. Georges yang menjadi sekolah kerajaan pada tahun 1908.

Sekolah Free ini juga dianggap penting kerana memberi pendidikan kepada kanak-kanak yang miskin dan kurang bernasib baik yang sebelum itu tercicir dalam pendidikan dan tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan secara formal. Melalui sekolah ini maka kanak-kanak yang kurang bernasib baik itu dapat mempelajari kemahiran-kemahiran yang tertentu untuk mendapat kerja-kerja tertentu untuk menjamin masa depan mereka. Tambahan, penerimaan pendidikan daripada sekolah ini turut boleh menjamin kanak-kanak tadi mendapat peluang untuk bekerja dengan kerajaan.

Pemberian pendidikan secara percuma kepada rakyat tempatan menyebabkan sekolah ini menghadapi masalah kewangan dan tidak mampu menanggung perbelanjaan yang besar. Keadaan yang sedemikian menyebabkan sekolah ini akhirnya diambilalih oleh kerajaan dan dijadikan sekolah Inggeris kerajaan. Antara sekolah-sekolah Free yang diambilalih oleh kerajaan adalah seperti Sekolah Penang Free, Sekolah Raffles, Sekolah Tinggi Melaka dan Sekolah King Edward VIII.

A511434316

### b) Sekolah Mubaligh

Sekolah ini adalah hasil daripada sumbangan badan-badan mubaligh. Antara badan-badan tersebut ialah Persatuan Mubaligh London, Mubaligh Methodist Amerika, Gereja Anglican, Mubaligh Roman Katolik dan Gereja England. Golongan ini memberi sumbangan yang besar dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak perempuan.

Banyak sekolah perempuan ditubuhkan oleh golongan tersebut. Antara sekolah-sekolah yang ditubuhkan ialah Sekolah Perempuan Methodist Senior, Sekolah Convent dan Sekolah Perempuan Bukit Bintang.

Penubuhan sekolah-sekolah tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendidikan am dan meningkatkan taraf hidup di kalangan penduduk tempatan. Namun, sekolah ini kurang mendapat sambutan daripada kaum Melayu. Sebaliknya, sambutan baik terhadap sekolah ini datang daripada kaum Cina.

### c) Sekolah Inggeris Kerajaan

Penubuhan sekolah Inggeris oleh pihak kerajaan British adalah bertujuan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak raja. Ini kerana pihak penjajah tidak berminat mengembangkan pendidikan Inggeris kepada orang ramai. Keadaan ini adalah ekoran pegawai-pegawai British, seperti Hugh Clifford, Frank Swettenham dan Martin Lister,

berpendapat hanya melalui pemberian pendidikan Inggeris kepada anak-anak raja dan pembesar maka mereka dapat membantu orang British dalam bidang pentadbiran. Namun, lama kelamaan sekolah ini dibuka kepada semua kaum, termasuk golongan biasa.

Sekolah Inggeris yang pertama ialah Victoria Institution yang dibina pada tahun 1893 di Kuala Lumpur. Sekolah ini ditubuhkan sempena untuk memperingati Jubli Intan pemerintah Ratu Victoria. Sekolah ini berjaya dibina hasil kutipan derma daripada orang-orang Cina tempatan seperti Yap Kwan Seng dan Loke Yew, saudagar India seperti Thamboosamy Pillay, Sultan dan Raja Muda Selangor. Didapati sekolah ini menjadi tumpuan utama kanak-kanak Cina. Lantaran itu, pelajar sekolah ini majoritinya adalah dari kaum Cina diikuti oleh kaum India dan kaum Serani.

Sambutan golongan aristokrat terhadap pendidikan Inggeris itu tidak menggalakkan. Akibat pembukaan sekolah Inggeris itu kepada semua kaum golongan aristokrat merasakan status mereka terjejas kerana anak-anak golongan mereka terpaksa belajar bersama-sama anak-anak golongan biasa. Keadaan ini disedari oleh pihak British yang seterusnya menubuhkan Maktab Melayu Kuala Kangsar khas untuk golongan aristokrat. Hal ini jelas kelihatan melalui artikel yang terdapat dalam Lampiran III. Maktab ini ditubuhkan untuk memberi pendidikan sekular yang khusus kepada anak-anak golongan aristokrat untuk memastikan mereka dapat membantu pihak penjajah dalam bidang pentadbiran selepas mereka tamat pendidikan.

Namun, mulai tahun 1920 pemilihan pelajar untuk memasuki maktab tersebut tidak lagi berdasarkan keturunan dan darjat, tetapi berdasarkan kebijaksanaan pelajar. Akan tetapi maktab ini masih dikuasai oleh golongan anak aristokrat kerana mereka masih merupakan golongan yang majoriti dalam maktab tersebut.

Polisi pentadbir British dalam bidang pendidikan bersifat "elitist" dan ini telah menyekat kemasukan anak-anak Melayu untuk menerima pendidikan Inggeris. Anak-anak Melayu biasa hanya berpeluang mendapat pendidikan Melayu. Ini kerana sekolah-sekolah Inggeris itu ditubuhkan di bandar-bandar yang lebih menjadi tumpuan golongan raja, orang Cina dan orang Serani. Keadaan ini telah menyukarkan kanak-kanak Melayu biasa untuk mendapat pendidikan Inggeris memandangkan mereka tinggal di kawasan luar bandar atau desa. Masalah kekurangan anak Melayu yang belajar di sekolah Inggeris dapat dilihat dalam jadual 2.0 .

**Jadual 2.0 : Bilangan Pelajar Di Sekolah Inggeris Di Negeri Melayu****Bersekutu**

Tahun	Jumlah	Melayu %	Cina %	India %	Eurasian %	Lain-lain
1919	8446	9	48	30	10	3
1920	9208	10	48	30	10	2
1921	10105	13	47	29	10	2
1922	10450	15	46	29	9	2
1923	11594	18	46	26	8	2
1924	12806	18	48	24	7	3
1925	13768	19	46	25	6	2
1926	14509	19	49	23	7	2
1927	16283	18	49	25	6	2
1928	16185	17	49	26	6	2
1929	17113	16	50	23	6	2
1930	17997	16	49	27	6	2
1932	17477	15	50	27	6	2
1933	16417	17	49	27	6	1
1935	16395	16	50	27	6	1
1937	17161	15	50	28	6	1

Sumber : Sufean Hussin (1993 : 85).



Akan tetapi, peluang untuk kanak-kanak Melayu biasa menerima pendidikan Inggeris terbuka pada penghujung tahun 1930-an dan awal tahun 1940-an ekoran desakan orang Melayu. Sejak itu pemilihan pelajar untuk memasuki sekolah Inggeris dilakukan melalui sistem peperiksaan.

## **2.2 Dasar-Dasar Pendidikan Selepas Perang Dunia Kedua 1946-1957**

Pada tahun 1942 kejayaan Jepun menewaskan pihak British di Tanah Melayu telah menyebabkan Tanah Melayu terletak dibawah pemerintahan mereka selama tiga tahun lapan bulan. Dalam masa itu segala sistem yang wujud di Tanah Melayu itu telah diubah oleh pihak Jepun. Ini bermakna sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum itu turut diubah.

Akan tetapi, selepas pihak Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu diserahkan balik kepada pihak British pada bulan Ogos 1945. Jadi pihak British terpaksa mengemaskan kembali sistem pendidikan yang telah berubah bentuk semasa Tanah Melayu dijajah oleh Jepun. Pada zaman itu beberapa langkah telah diambil oleh pemerintah British seperti berikut:

### i) Penubuhan Jawatankuasa Pusat Penasihat Pelajaran

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penasihat kepada kerajaan dalam bidang pendidikan. Ia memainkan peranan dalam menjelaskan prinsip umum yang harus diikuti oleh kerajaan dalam bidang pendidikan. Jawatankuasa ini turut mencadangkan supaya bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah Tanah Melayu.

### ii) Penyata Barnes

Penyata ini dikemukakan pada tahun 1951 oleh L.J Barnes seorang pakar pendidikan dari Universiti Oxford, Britain. Jawatankuasa Barnes ditubuhkan untuk mengkaji sistem pendidikan di Tanah Melayu. Penyata ini juga mengusulkan agar sistem pendidikan di Tanah Melayu itu digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan.

Penyata ini juga mencadangkan supaya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah Tanah Melayu. Misalnya, ia mencadangkan di peringkat sekolah rendah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar. Manakala di peringkat menengah pula, bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya. Di samping itu, dicadangkan penggunaan sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah. Penyata ini juga mencadangkan supaya sekolah kebangsaan itu ditadbir dan dibiayai bersama oleh penguasa pendidikan setempat.

### iii) Laporan Fenn-Wu

Laporan ini wujud ekoran tentangan terhadap Penyata Barnes oleh masyarakat Cina. Ini kerana masyarakat Cina mendakwa bahawa penyata itu terlalu menekankan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan mengabaikan bahasa Cina. Oleh itu, satu jawatankuasa ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu.

Laporan ini dipengerusikan oleh Dr. William P. Fenn dan Dr. Wu The-yo. Laporan ini mencadangkan supaya sekolah Cina di Tanah Melayu dibolehkan mengajar dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tujuan utama laporan ini adalah untuk mengintegrasikan sekolah Cina itu dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Namun, Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu tidak mendapat sambutan yang baik daripada penduduk Tanah Melayu. Orang Melayu berpendapat bahawa bahasa Melayu patut dijadikan bahasa pengantar di semua peringkat sekolah. Manakala orang bukan Melayu tidak menyokong Laporan Barnes kerana ia mengesyorkan penghapusan sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil. Kaum Melayu menolak Laporan Fenn-Wu kerana syornya tidak menguntungkan mereka.

Laporan ini juga mencadangkan supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa antarabangsa. Akhir sekali laporan itu menyatakan bahawa bahasa Cina penting dalam pendidikan kebudayaan Cina.

#### iv) Ordinan Pelajaran 1952

Ordinan ini adalah gabungan kedua-dua Penyata Barnes dan Laporan Fenn-Wu mementingkan integrasi nasional. Majlis Undangan Persekutuan yang meluluskan Ordinan Pelajaran ini. Berikut adalah perkara-perkara yang ditekankan oleh ordinan ini:

- a) Dua jenis sekolah nasional yang utama, iaitu sekolah Inggeris dan sekolah Melayu harus diwujudkan.
- b) Bahasa Inggeris harus diajar di sekolah Melayu dan sebaliknya bahasa Melayu harus diajar di sekolah Inggeris. Ordinan ini mensyaratkan pendidikan rendah selama enam tahun dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- c) Sekolah-sekolah vernakular, seperti sekolah Cina dan sekolah Tamil tidak diterima sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan kebangsaan. Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar sebagai bahasa ketiga.

Masalah kewangan yang berlaku telah mengakibatkan rancangan itu gagal.

#### v) Penyata Razak

Penyata ini dikemukakan pada bulan April 1956 oleh satu jawantankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein untuk mengkaji semula sistem

pendidikan di Tanah Melayu. Penyata ini diselaraskan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil tiga kaum yang utama di Tanah Melayu, iaitu kaum Melayu, Cina dan India.

Menurut laporan ini dua jenis sekolah rendah akan dibentuk, iaitu Sekolah Umum dan Sekolah Jenis Umum di mana bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah. Laporan ini kemudiannya diselaraskan oleh Ordinan Pelajaran 1957 dengan matlamat akhirnya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Dasar laporan ini hanya dijalankan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

## **2.3 Dasar Dan Penyata Yang Dilaksanakan Oleh Kerajaan Malaysia**

### **Selepas Merdeka**

#### **i) Dasar Pelajaran Kebangsaan**

Dasar ini terus menggunakan tiga usul penting Penyata Razak dalam polisi dan pelaksanaannya. Tiga usul tersebut adalah berkenaan masalah bahasa, Malayanisasi dan pendidikan universiti.

Berkenaan masalah bahasa, dasar ini berusaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat pendidikan. Sejak itulah rakyat Malaysia akan menerima satu bahasa utama sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan. Ini selaras dengan langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita selepas merdeka. Matlamat utama dasar ini adalah untuk menyatukan rakyat yang pelbagai kaum.

Berkenaan masalah Malayanisasi pula, dasar ini bertujuan mewujudkan dan melatih anak-anak Malaysia yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam menggantikan pakar-pakar asing dalam bidang pentadbiran dan teknik. Dalam hal ini maka guru-guru tempatan akan dilantik untuk menggantikan guru asing yang sebelum ini berkhidmat dengan kerajaan British di Tanah Melayu. Bagi mencapai matlamat tersebut maka dorongan untuk menambahkan bilangan anak Melayu lepasan universiti telah dilakukan. Pada tahun 1959 Universiti Malaya ditubuhkan demi keperluan tersebut.

#### ii) Penyata Rahman Talib 1960

Yang Amat Berhormat Abdul Rahman Talib telah mempengerusikan Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran untuk mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang terkandung dalam Penyata Razak. Syor-syor penyata ini adalah seperti berikut:

- a) Sediakan pendidikan universal selama sembilan tahun dengan menaikkan umur berhenti sekolah dari 9 ke 15 tahun.

- b) Pendidikan rendah secara percuma diberi kepada kanak-kanak untuk semua aliran sekolah rendah mulai tahun 1962.
- c) Memperbanyakkan kemudahan pendidikan teknik dan vokasional.
- d) Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan.
- e) Semua peperiksaan awam hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sahaja.
- f) Pendidikan akhlak (sivik) harus diadakan untuk murid-murid bukan Islam.
- g) Sekolah Rendah Umum dan Sekolah Jenis Rendah Umum ditukar menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

## 2.4 Kesimpulan

Pengenalan sistem pendidikan sekular oleh pihak pemerintah British di Tanah Melayu telah membawa satu perubahan yang besar kepada penduduk di Tanah Melayu. Pengenalan sistem pendidikan itu telah menyedarkan masyarakat Melayu akan kepentingan pendidikan. Sungguhpun pihak pemerintah kolonial tidak menggalakkan orang Melayu menerima pendidikan Inggeris yang lebih bernilai ekonomi pada waktu itu, tetapi orang Melayu, tidak pernah berputus asa untuk menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris.

Penerimaan baik terhadap pendidikan sekular ini adalah kerana mereka menyedari bahawa kelemahan orang Melayu dalam semua lapangan, terutamanya bidang ekonomi, adalah disebabkan oleh kekurangan pendidikan yang bermutu. Akan tetapi penerimaan sekolah aliran Inggeris ini oleh anak Melayu memberi kesan yang sangat mendalam pada bahasa Melayu kerana terlalu tumpu pada bahasa Inggeris yang seterusnya mewujudkan masalah kelemahan bahasa Melayu yang wujud sehingga kini.